

# Alam Wanita

## Siti Zainab binti Fatimah al-Zahrā' (Pahlawan Wanita Islam)

### Ringkasan cerita yang lalu:

Siti Zainab binti Saiyidina Ali *karam Allāhu wajhah* adalah saudara perempuan kepada Saiyidina Hussein pahlawan Islam yang gugur syahid di padang Karbala. Tatkala saudaranya Saiyidina Hussein hendak pergi berangkat ke medan pertempuran Siti Zainab mengikut jejak adiknya dari belakang meminta agar ia dibenarkan pergi bersama-sama ke medan perjuangan. Tetapi permintaan Siti Zainab itu ditolak oleh Saiyidina Hussein dengan alasan bahawa berjuang di medan pertempuran mempertahankan kehormatan kaum keluarga dan agama itu adalah kewajipan kaum lelaki. Akhirnya Siti Zainab terpaksa tunduk mengalah dan menurut kemahuan Saiyidina Hussein.

Saiyidina Hussein gugur syahid di dalam pertempuran melawan bala tentera Ibn Ziyad di padang Karbala. Jenazah beliau terus dibawa ke Kota Kufah oleh pengikutnya, yang taat setia untuk dipersembahkan kepada khalifah Ibn Ziyad dan untuk diperlihatkan kepada Siti Zainab. Di saat inilah Siti Zainab muncul di hadapan khalayak ramai berpidato mengutuk perbuatan-perbuatan kejam dan zalim yang telah dilakukan oleh khalifah Ibn Ziyad membunuh adiknya yang berjuang semata-mata mempertahankan hak dan kebenaran.

Di dalam bahagian yang kedua ini para pembaca sekalian akan dapat mengikuti kisah pertemuan di antara Siti Zainab dengan khalifah Ibn Ziyad di mana soal jab<sup>1</sup> yang hangat berapi-api berlaku di antara keduanya.

(Oleh: Um Muhsin)

(sambungan bulan yang lalu)

Kesemua manusia yang berada di Kota Kufah itu, laki-laki dan perempuan, sangat-sangat terharu hati mereka mendengar pidato bersemangat yang diucapkan oleh Siti Zainab itu. Kerana tersangat asyiknya mereka mendengar kata-kata yang dituturkan oleh Siti Zainab, maka ada di antara mereka yang melakukan gerak geri ganjil dengan tidak mereka sedari; seperti ada yang ternganga mulutnya,

ada yang terus terkakup dan ada pula yang menutup muka dengan kedua belah tangan mereka. Ada pula di antara orang tua-tua yang sampai menangis teresak-esak seperti kanak-kanak kecil, sehingga basah kuyup janggut mereka dialiri oleh air mata. Mereka beramai-ramai terus pergi mendekati Siti Zainab, dan salah seorang daripada mereka lantas berkata dengan suara yang terputus-putus menahan sedih:

“Wahai Zainab engkau adalah kami anggap sebagai

<sup>1</sup> Ejaan yang sebenarnya ialah jawab

ibu bapa kami. Kami sentiasa mendoakan kiranya usiamu dilanjutkan Allah, dengan dapat mengecap kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat dan meninggalkan zuriat keturunan yang baik. Baka dan zuriat keturunanmu tidak akan mendapat kecelakaan dan tidak akan terhina buat selama-lamanya. Inilah doa dan harapan kami terhadapmu, wahai Zainab!”.

Siti Zainab sedar bahawa ia sedang berhadapan dengan beberapa orang tua-tua yang di jiwa mereka sedang dikelubungi oleh perasaan kesal dan sedih di atas kejadian yang telah berlaku kepada Saiyidina Hussein cucu Rasulullah yang sangat mereka kasihi. Dengan perasaan yang terharu Siti Zainab lantas memekik sambil menyeru nama datuknya Baginda Rasulullah (S.A.W):

“Wahai Muhammad! Sesungguhnya sekalian malaikat telah mengucapkan selawat dan salam ke atasmu! Wahai Muhammad! Inilah mayat cucumu Hussein yang terkena zalim; seluruh anggotanya bergelimang dengan darah dan jasadnya telah dipotong-potong dari perbuatan manusia yang durjana tidak menimbang rasa. Wahai Muhammad! Hussein yang telah menjadi mayat ini adalah cucumu; anak cucumu semuanya telah mati terbunuh dizalimi oleh manusia-manusia yang bersifat kejam dan durjana.” Kesemua orang yang mendengar kata-kata yang berirama sedih yang diucapkan oleh Siti Zainab itu menangis teresak-esak.

Bila mana Siti Zainab sampai sahaja ke istana Ibn Ziyad, nyata sekali kelihatan air mukanya sedang bermuram durjana, rambutnya kusut masai, tidak terpelihara, pakaiannya simpang perenang tidak teratur. Keadaan yang seumpama itu tentulah tidak layak bagi seseorang yang hendak mengadap khalifah. Sebenarnya perbuatan yang demikian itu memang dengan senghaja dilakukan oleh Siti Zainab sebagai menunjukkan kebenciannya

terhadap Ibn Ziyad. Sekalipun perbuatan Siti Zainab itu mendapat teguran dari beberapa orang perempuan yang mengiringinya, tetapi segala teguran-teguran itu sedikit pun tidak diindahkan oleh Siti Zainab.

Setelah ia sampai di penghadapan Ibn Ziyad, maka ia terus duduk di atas sebuah tembok yang berhampiran dengan balai penghadapan itu dengan mendiamkan diri, sehingga Ibn Ziyad sendiri bertanya kepada para menteri yang berada di sekelilingnya, siapakah perempuan yang dengan berani duduk di atas tembok yang berhadapan dengan balai istananya itu? Tiada seorang jua pun daripada para menteri yang dapat mengenali Siti Zainab, pada ketika itu Siti Zainab sedang berada di dalam kain kelubung hitam yang menutupi seluruh anggotanya. Kemudian Ibn Ziyad menghadapkan pertanyaan kepada Siti Zainab sendiri. Meskipun ia mendengar akan suara Ibn Ziyad bertanyakan tentang dirinya, tetapi Siti Zainab tetap juga mendiamkan dirinya tidak mahu menjawab walau sepetah jua pun.

Kemudian Ibn Ziyad mengulangi pertanyaan kepada Siti Zainab beberapa kali, tetapi ia tetap juga membisukan dirinya tidak mahu menjawab pertanyaan itu alangkah gagahnya sikap Siti Zainab menunjukkan kekerasan hati wajanya di hadapan seorang sultan yang berdaulat.

Melihat sikap Siti Zainab berkeras tidak mahu menjawab sendiri pertanyaan yang dikemukakan oleh khalifah Ibn Ziyad itu, maka terpaksa salah seorang daripada pengiringnya menyatakan kepada Ibn Ziyad, bahawa wanita itu tidak lain dari Siti Zainab binti Fatimah al-Zahrā' cucu kepada Rasulullah (S.A.W). Setelah mendapat keterangan dari pengiring Siti zainab itu, baharulah Ibn Ziyad mengetahui bahawa wanita yang duduk membatukan dirinya di hadapan balai penghadapan di muka istananya itu tidak lain dari Siti Zainab saudara perempuan

kepada Siyidina Hussein yang telah mati terbunuh di padang Karbala itu, yang pada ketika itu jenazah Saiyidina Hussein masih ada lagi terletak di dalam balai penghadapan di istananya itu.

Melihat sikap kelakuan Siti Zainab yang angkuh tidak mahu menjawab pertanyaan yang telah dikemukakannya itu, maka Ibn Ziyad pun naik darah dan lalu berkata: “Wahai Zainab! Allah melaknat akan engkau. *al-hamduli ‘Lāh* Allah telah mengalahkan akan engkau, Allah telah membunuh saudara engkau dan Allah telah mendustakan segala fitnah dan cerita-cerita palsu yang telah engkau sebarkan kepada ahli-ahli Kufah ini.”

Manakala Siti Zainab mendengar akan kata-kata laknat dan maki hamun yang diucapkan oleh Ibn Ziyad terhadap dirinya itu, maka ia pun makin naik garang dan semangat keperwiraannya dengan serta merta menguasai segap<sup>2</sup> jiwanya. Untuk melepaskan rasa geram dan hasrat hatinya yang sedang marah kerana diperhina-hinakan oleh Ibn Ziyad itu, maka ia pun lantas menjawab cabaran dari Ibn Ziyad itu: “*al-hamduli ‘Lāh!* Allah telah memuliakan kami dan membersihkan nama baik keluarga kami; tidak sebagaimana yang engkau katakan itu. Sesungguhnya setiap orang yang fasiq seperti engkau akan kalah dan masyarakat tidak akan mempercayai akan kejujuranmu.”

Perkataan Siti Zainab itu lantas dijawab oleh Ibn Ziyad dengan katanya: “Hai Zainab! Aku ingin tahu bagaimana perasaan hatimu dengan bala yang telah Tuhan turunkan ke atasmu dan ke atas sekalian kaum keluargamu?”

Dengan semangat yang lebih berani dan berang Siti Zainab pun menjawab: “Ya, Tuhan telah mewajibkan di atas mereka mengadakan perlawanan, yakni berperang melawan segala kezaliman dan kekejaman yang telah engkau lakukan. *al-hamduli ‘Lāh* dalam peperangan itu mereka beruntung menjadi pahlawan-pahlawan yang telah gugur syahid di medan pertempuran menentang perbuatan-perbuatan zalim dan durjana dan menghapuskan

biadab. Pada hari Kiamat nanti Allah akan menghimpunkan kamu dengan mereka, di sanalah kelak Allah akan mengadili dan menghukum siapa yang salah dan siapa yang benar”.

Mendengar kata-kata Siti Zainab yang begitu lancar, maka perasaan hati Ibn Ziyad semakin bertambah berang, ia terus pula menjawab dengan suara yang keras: “Hai Zainab! Janganlah engkau cuba hendak menunjuk-nunjukkan sifat kesombonganmu di hadapanku sesungguhnya aku teramat murka di atas perbuatanmu yang cuba hendak menderhaka terhadapku sebagai menyambung sifat penderhakaan yang berpanjangan daripada seluruh keluargamu.”

Untuk menjawab kata-kata sindiran yang tajam dari Ibn Ziyad itu, maka Siti Zainab dengan perasaan terharu terpaksa menangis mencurahkan air mata sambil berkata dengan nada suara putus-putus: “Hai Ibn Ziyad! Di samping hidup kami tak pernah kami menderhakai kepada sesiapa jua pun; hanya yang kami ketahui engkau lah yang selalu menyeret-seret kami ke pintu penderhakaan dengan membunuh kesemua keluarga kami tanpa apa-apa kesalahan. Keluarga kamilah yang menjadi tumpuan kamu untuk melakukan perbuatan-perbuatan ganas dan kejam, dan kamu telah memutuskan salasilah zuriat keturunan kami yang mulia, dan kamulah yang telah menguburkan asal usul keturunan kami yang baik. Itulah yang menyebabkan pemerintahan kamu sentiasa dalam keadaan kucar kacir; keadaan dalam negeri tidak akan dapat mencapai keamanan dan ketenteraman selagi kamu tidak boleh menghapuskan segala perbuatan-perbuatan kejam dan durjana yang kamu lakukan dengan bermaharajalela.”

Ibn Ziyad tentu tidak senang hati mendengar kata-kata cabaran yang diucapkan oleh Siti Zainab itu. Oleh itu dengan perasaan hati yang geram ia terus menjawab: “Itu semua aku lakukan ialah dari sebab

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah segenap.

sifat-sifatku yang garang, gagah dan berani; sedangkan bapamu Ali bin Abu Talib juga adalah seorang laki-laki yang bersifat garang seperti aku juga.”

Cabaran Ibn Ziyad yang menyakitkan hatinya itu terus pula dijawab oleh Siti Zainab dengan katanya:

“Memang benar ayahku dan engkau mempunyai sifat-sifat keberanian yang sama seimbang, tetapi ayahku tidak pernah melakukan perbuatan-perbuatan zalim sebagaimana yang engkau telah lakukan di sepanjang hayatmu; dan orang yang berdiri di hadapanmu ini tidak mempunyai sifat-sifat yang demikian itu.”

Dalam masa bersoal jawab dengan Siti Zainab itu, tiba-tiba Ibn Ziyad terpandang kepada seorang pemuda yang sedang mendiamkan diri di atas sebuah batu yang tiada berapa jauh dari tempat itu sambil mendengar soal jawab di antaranya dengan Siti Zainab itu. Ia sangat tertarik dengan perawakan muka pemuda itu, malahan ia merasa ragu-ragu yang pemuda itu ada perhubungan kerabat dengan musuhnya Saiyidina Hussein. Maka ia pun terus mengemukakan pertanyaan kepada pemuda itu: “Siapa kamu wahai orang muda?”

“Nama saya ialah Ali bin Hussein anak kepada pahlawan Islam yang baru sahaja tuan hamba bunuh di padang Karbala itu.” Jawab pemuda itu dengan gaya yang berani dan tegas.

Ibn Ziyad sangat terperanjat apabila ia mendengar nama Ali bin Hussein muncul lagi, kerana ia sungguh-sungguh percaya yang Ali telah mati terbunuh, tetapi bagaimana orang yang telah disangkanya mati itu muncul lagi di hadapannya?. Untuk menghilangkan rasa ragu-ragunya itu, maka ia pun terus bertanya: “Benarkah engkau ini Ali bin Hussein? Bukankah engkau telah mati dibunuh oleh tenteraku? Bagaimana engkau masih hidup lagi?”

Ali hanya mendiamkan diri sahaja sepepat pun

pertanyaan Ibn Ziyad itu tidak dijawabnya. Melihat sikap Ali yang hanya mendiamkan diri itu, maka Ibn Ziyad pun berkata dengan nada suara yang menengking: “Mengapa engkau mendiamkan diri hai pemuda bedebah; mengapa pertanyaanku tidak engkau jawab?”.

Gerun juga hati Ali mendengarkan tengkingan dari Ibn Ziyad itu. Walaupun demikian dengan sikap yang berani ia terus menjawab: Ya benar! Sayalah pemuda keturunan Banī Hashim yang bernama Ali bin Hussein. Mengapa saya masih hidup? Jawapan pertanyaan tuan hamba itu ialah: Hanya Tuhan sahaja yang menentukan ajal maut seseorang hambanya bila sampai saat dan waktunya.”

Mendengar kawapan yang begitu tepat dari Ali, maka Ibn Ziyad bertambah berang dan lantas berkata: “Demi Allah, bahawa ajal engkau sekarang juga sudah ditentukan oleh Tuhan, dan engkau sekarang termasuk di dalam bilangan orang-orang yang akan mati di tanganku!” Sambil ia memerintahkan algojo-algojonya (tukang bunuh) menangkap Ali dibawa ke tempat pembunuhan.

Betapa sedih dan hancur luluhnya hati Siti Zainab menyaksikan peristiwa yang kedua ini, hanya Tuhan sahajalah yang dapat mengukur dan mengetahuinya, kerana di hadapannya belum pun selesai ia menghadapi jenazah adiknya Saiyidina Hussein yang mati terkorban di padang Karbala, maka kini ia akan menghadapi jenazah anak saudaranya pula.

Sedang ia asyik memikirkan akan hal tersebut, maka dengan tiba-tiba kedengaran olehnya suara Ali berkata meminta belas kasihan kepada Ziyad supaya ibu saudaranya yang akan tinggal sebatang karah<sup>3</sup> di dunia ini dijamin keselamatannya: kata Ali: “Wahai Ibn Ziyad! Sekiranya engkau membunuh aku, siapakah yang akan menjaga keselamatan Zainab ibu

<sup>3</sup> Perkataan sebenarnya adalah kara.

saudaraku ini?”

Mendengar kata-kata rayuan dari Ali itu maka dengan tiba-tiba Siti Zainab pun bangkit menerkam Ali dan bergantung pada baju jubahnya sambil menghadapkan perkataan kepada Ibn Ziyad: “Wahai Ibn Ziyad! Berilah pertimbangan kepada kami! Adakah engkau masih belum puas-puas lagi meneguk dan meminum darah keluarga kami? Adakah engkau memang bercita-cita hendak menghapuskan kesemua zuriat keturunan kami yang berada di muka bumi? Aku bermohon kepada Tuhan Yang Maha Kuasa, jika sekiranya engkau benar-benar beriman kepada-Nya, maka bunuhlah aku bersama-sama dengan anak saudaraku Ali yang akan engkau bunuh itu.”

Sementara itu Ali pun menyambung perkataan ibu saudaranya: “Wahai Ibn Ziyad! Sekiranya tidak ada lagi perhubungan kerabat antara kami dengan kamu, maka carilah seorang muslim yang taqwa lagi beriman untuk diamanatkan bagi menjaga keselamatan hidup ibu saudaraku kemudian daripada wafatku.”

Oleh sebab tali persaudaraan dan kasih sayang antara Ali dengan Siti Zainab begitu teguh dan kuat, maka Ali pun mendapat keampunan daripada Ibn Ziyad. Ia tidak jadi dibunuh. Disebabkan hidupnya Ali bin Hussein, maka tiadalah lenyap zuriat keturunan dari sebelah Hussein, maka tiadalah lenyap zuriat keturunan dari sebelah pihak Saiyidina Ali bin Abi Talib dari muka bumi ini.

Hingga di sini tamatlah sudah kisah atau riwayat Siti Zainab binti Fatimah al-Zahrā' pahlawan puteri Islam yang cekal hati dan berani menegakkan hak dan kebenaran yang tidak gentar menghadapi ancaman dari seorang khalifah Banī Umayyah yang bersifat bengis Ibn Ziyad<sup>4</sup>. Dari kisah ini marilah kita sama-sama mengambil iktibar, kerana kisah Siti Zainab ini adalah suatu kisah sejarah Islam yang sangat besar ertinya kepada kaum wanita yang bercita-cita tinggi bagi menegakkan hak dan kebenaran.

Seyogialah kita mengambil ingatan bahawa salah satu sifat-sifat wanita itu ialah lemah lembut dan sentiasa berterus terang dengan mengatakan: “Saya tidak kuasa” dalam suatu-suatu perkara berat yang tidak dapat mereka atasi. Tetapi bagaimana pun perkataan yang seumpama itu ada mempunyai had dan batasnya.

Had dan batasnya itu ialah selagi kaum wanita itu tidak terdesak dan tersepit hidupnya. Tetapi jika kaum wanita itu ditindas, dizalimi dan aniaya, maka sifat-sifat lemah lembut dan lekas bertolak ansur itu akan hilang dengan serta merta dan bertukar menjadi sifat berani menghadapi sesuatu; Bak kata pepatah: “Membujur lalu melintang patang<sup>5</sup>”.

Oleh yang demikian wanita-wanita yang bersifat lemah itu janganlah mereka diperlemah-lemahkan, mereka yang bersifat lembut itu janganlah pula diperlembut-lembutkan; kalau mereka sudah tersepit, mereka akan bangun menerkam seperti seekor singa menerkam mangsanya.

Di akhirnya saya berharap, dengan pertolongan Tuhan akan bertambah banyaklah bilangan kaum wanita Islam yang mempunyai sifat-sifat keberanian dan sabar menghadapi perjuangan-perjuangan hidup yang dipenuhi duri dan ranjau ini, sebagaimana sifat-sifat keberanian dan kesabaran yang ada pada jiwa Siti Zainab menghadapi hak dan kebenaran. Kerana hak dan kebenaran itu adalah hak orang yang benar jangan lupa Tuhan tetap bersama-sama dengan orang yang benar.

---

Hendaklah engkau ketahui, andai kata engkau sanggup menghadapi segala kesulitan-kesulitan hidup dengan tabah hati dalam masa yang sedikit, maka nanti engkau akan dapat merasakan kemewahan dalam masa yang lama.

**“Tariq bin Ziyad”**

<sup>4</sup> Ibn Ziyad bukanlah seorang daripada khalifah Banī Umayyah. Beliau sebenarnya merupakan gabenor Basrah.

<sup>5</sup> Ejaan yang sebenarnya ialah patah